

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Puan Hajah Normala binti Abdul
Samad
[Pasir Gudang]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 98

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menetapkan bayaran kepada Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela dalam bentuk gaji minima dan bukan sekadar elaun bulanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, gaji Pemaju Masyarakat telahpun melebihi had gaji minimum seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Namun, bagi Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS), satu kertas cadangan telah dikemukakan oleh pihak KEMAS kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melantik PPMS secara kontrak sama seperti kakitangan KEMAS yang lain.